

# Bajet bantu negara rebut peluang, bawa SG ke depan

Swée Keat gulung perbincangan Belanjawan sambil tekankan bagaimana perniagaan, warga, keluarga dan pekerja boleh hadapi masa depan dengan lebih yakin

► **ADLI YASHIR KUCHIT**  
adli@sph.com.sg

BELANJAWAN tahun ini melakar rancangan pemerintah membantu negara merebut peluang, membantu perniagaan mengukir nilai dan pasaran baru di samping menggalak warga keluar daripada ruang keselesaan demi membawa Singapura ke hadapan kata Menteri Kewangan Heng Swee Keat.

Menggulung perbincangan Belanjawan di Parlimen semalam, Encik Heng menekankan bagaimana perniagaan, warga, pekerja dan keluarga boleh mengambil langkah demi menghadapi masa depan dengan lebih yakin.

Beliau juga memberi jaminan pemerintah akan terus menyokong inisiatif sosial supaya negara ini kekal sebagai sebuah masyarakat inklusif dan mereka yang memerlukan akan terus dibantu.

Awal dalam hujahnya Encik Heng akur dengan hujah yang dikemukakan beberapa AP seperti Encik Saktiandi Supaat (GRC Bishan Toa Payoh) dalam perbincangan itu tentang cabaran yang dihadapi firma tempatan di sebalik ketidakpastian ekonomi sejagat.

“Belanjawan tahun ini juga mencari keseimbangan antara usaha memperkukuh penyusunan semula dan menawarkan bantuan kepada perniagaan dan isi rumah,” kata Encik Heng.

Beliau juga merujuk kepada senarai bantuan jangka dekat bernilai \$1.4 bilion untuk membantu perniagaan.

Lebih 50 AP menyertai perbincangan Belanjawan selama dua setengah hari itu, ramai yang melahirkan keprihatinan tentang kenaikan harga air.

Encik Heng menekankan dasar pemerintah mengenakan harga yang betul bagi air, memastikan bekalan air yang mencukupi demi menjamin kewujudan negara.

“Dalam tempoh lima tahun mendatang PUB merancang melabur \$4



## INTISARI

► **Warga harus keluar daripada ruang keselesaan**

► **Perniagaan perlu menjana nilai dan memperkenalkannya kepada pasaran baru**

► **Membina kerjasama efektif dalam ekonomi**

► **Membina masyarakat inklusif, membantu golongan yang memerlukan**

## PERBAHASAN JAWATANKUASA PERBEKALAN

Pegawai sektor awam diberi cuti tambahan sebulan tak berbayar jaga bayi  
– Muka 5

bilion dalam prasarana air tambahan,” katanya.

Ada juga suara yang melahirkan keprihatinan tentang kurangnya pelan induk atau rancangan baru dalam Belanjawan tahun ini yang boleh membawa negara ke hadapan.

Memberikan respons Encik Heng menekankan peri penting kerjasama antara pemerintah, masyarakat, perniagaan dan individu demi mencetus idea dan bersama-sama melaksanakannya.

“Kepada mereka yang mencari pelan induk atau rancangan yang boleh diikuti biar saya katakan apa yang kita perlukan bukanlah perubahan strategi tetapi sebuah strategi bagi menangani perubahan,” katanya.

Dalam hujahnya beliau turut

menggesa warga dan perniagaan membina keupayaan yang mendasar demi merebut peluang yang ditawarkan kemajuan teknologi. Hanya dengan keupayaan yang lebih dalam negara dapat mekar dalam dunia yang tidak menentu dan pesat berubah.

Warga perlu sedia keluar daripada ruang keselesaan dan meneroka prospek baru kata Encik Heng.

Dalam hal ini beliau menukil kisah Encik Amiru Rasyid Lasiman, seorang lulusan Universiti Nasional Singapura yang sedia menyertai program kerja sambil belajar di China biarpun tidak fasih berbahasa Cina.

Perniagaan pula perlu memeluk teknologi digital, berinovasi dan menerantau demi menjana nilai dan memasarkannya kepada dunia.

Laporan Jawatankuasa Ekonomi Masa Depan (CFE) telah melakar strategi yang menggalak warga terus mempelajari kemahiran, membina semangat keusahawanan dan sikap fleksibel demi menyesuaikan diri dengan sekitaran yang pelbagai.

Daripada tujuh saranan CFE, lima menyentuh cara membina keupayaan.

“Cara kita jadikan strategi CFE satu kenyataan ialah membangunkan semangat keusahawanan, kesediaan mencuba sesuatu yang baru, mencari huraian kreatif kepada masalah, meneroka ke bidang yang tidak ramai mahu teroka, sikap terus maju, ketabahan dan mendapatkan yang terbaik daripada setiap individu,” kata Encik Heng.

Memberikan contoh huraian kreatif beliau menukil firma Tunity Technologies, yang dengan kerjasama SIMTech A\*Star, telah membangunkan sistem identifikasi frekuensi radio (RFID) yang menggalak pengguna memulangkan dulang makanan selepas ia digunakan.

“Ia satu huraian inovatif yang membantu menyelesaikan masalah lama,” kata Encik Heng.

Dalam usaha negara mencapai pertumbuhan ekonomi, golongan yang memerlukan tidak harus dilupakan. Ketika menyertai perbincangan kelmarin Encik Zainal Sapari (GRC Pasir Ris-Punggol) menekankan peri penting menjaga pekerja bergaji rendah.

Dalam responsnya semalam Encik Heng berkata pemerintah akan terus memberi perhatian kepada mereka yang memerlukan.

Bagi pekerja bergaji rendah misalnya ada Skim Workfare yang menawarkan tambahan pendapatan dan sokongan latihan.

Pemerintah, menurut Encik Heng, juga telah memperkenalkan usaha menyokong pesakit mental dan menggalak inisiatif warga dalam keusahawanan sosial.

Parlimen semalam turut memulakan perbincangan Jawatankuasa Perbekalan (COS).



*Beberapa contoh individu, syarikat dan pertubuhan telah ditukil Menteri Kewangan Heng Swee Keat di Parlimen semalam. Mereka mencerminkan antara tema penting dalam Belanjawan tahun ini – termasuk inovasi, keupayaan keluar daripada ‘zon keselesaan’ dan sokongan sosial yang kukuh.*

# Manfaat ikuti program NUS di China

APABILA Encik Amirul Rasyid Lasiman memilih mahu ke Beijing, China, bagi mengikuti program bekerja sambil belajar selama setahun, ramai rakan dan anggota keluarganya rasa terkejut.

“Mereka tanya betul ke saya mahu ke Beijing sedangkan saya tidak tahu berbahasa Mandarin. Makanan halal pun sukar nak dapat. Tetapi, semakin banyak mereka bertanya, semakin berkobar-kobar saya ingin ke sana,” kata anak muda berusia 26 tahun itu ketika dihubungi semalam.

Beliau mengikuti program di bawah Kolej Luar Negara Universiti Nasional Singapura (NOC) dari Julai 2014 hingga September 2015.

Lulusan ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Nasional Singapura (NUS) itu merupakan anak Melayu pertama yang menyertai program Beijing NOC.

Pengalaman beliau ditukil oleh Menteri

Kewangan Heng Swee Keat semasa mengulung ucapannya bagi perbahasan Belanjawan semalam kerana sikap Encik Amirul yang berani keluar daripada kepompong kelesaiannya untuk mencuba sesuatu yang baru.

“Walaupun tidak tahu bahasa Cina, Amirul mempunyai pengalaman positif di Beijing dan apabila kembali ke Singapura, beliau menyertai firma baru Oddle dan ketika ini merupakan penggerak pemasar digital bagi memperkenalkan huraian syarikat kepada pasaran Asia Tenggara dan Amerika,” jelas Encik Heng.

Mengongsi pengalamannya di Beijing, Encik Amirul berkata beliau tertarik dengan perkembangan sekitaran firma teknologi baru di sana.

Sepanjang berada di Beijing, beliau bekerja sambil belajar di sebuah firma data analitik, Traintracks, sebagai seorang pemasar digital bagi memasarkan khidmat firma itu



**TIMBA PENGALAMAN:**  
Encik Amirul  
(duduk kanan,  
barisan depan)  
bersama  
rakan-rakan  
sekerjanya di China.  
– Foto ihsan  
AMIRUL RASYID  
LASIMAN

## BERANI KELUAR DARIPADA ‘ZON SELESA’

kepada firma-firma China dan juga firma antarabangsa.

“Pengalaman itu membolehkan saya meningkatkan pengetahuan saya dalam sektor firma baru di China. Ia juga mengubah perspektif saya mengenai China. Sekitaran teknologi di China amat berkembang maju berbanding banyak negara lain.

“Pada 2014, orang China sudah pun menggunakan aplikasi WeChat untuk pelbagai khidmat seperti menempah taksi dan menghantar mesej kepada rakan,” kata Encik Amirul.

Beliau juga terdorong melihat semangat warga China yang begitu tekun dan bersung-

guh-sungguh menimba ilmu bagi memperingkatkan diri mereka.

“Pernah ada seorang pelajar wanita yang bekerja sambil belajar di firma saya. Beliau tidak mempunyai kemahiran membuat pemrograman tetapi belajar dan terus belajar hinggalah di akhir latihan bekerja sambil belajarnya selama setahun, beliau merupakan pemrogram terbaik,” tambah Encik Amirul.

Beliau juga menyelami cara hidup orang Cina dan mengambil peluang menjelajah ke beberapa daerah di China seperti Dalian dan sempat tinggal dengan seorang peladang di sebuah tempat pedalaman – satu pengala-

man yang membolehkannya memakan sayur-sayuran segar yang ditanam sendiri.

Walaupun tidak tahu bertutur bahasa Mandarin sebelum ke Beijing, beliau mampu bercakap dan memahami bahasa itu di akhir program itu.

Encik Heng juga mengongsi pengalaman perunding cara kanan Singtel, Encik Chandra, yang diberhentikan kerja pada 2008 tetapi kekal positif dan bekerja di Singtel sebagai seorang jurutera rangkaian.

Menyedari peluang besar dalam bidang keselamatan siber, beliau kemudian mengambil kursus bagi membolehkannya menjawat jawatan dalam bidang itu di Singtel.